



**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
TINGKAT 4, BLOK C&D, BANGUNAN KWSP,
NO 49, JALAN KARAMUNSING
88000 KOTA KINABALU
SABAH**

Tel : 088-238 244 Faks: 088-238 144

e-mel: aduan@lpkpsabah.gov.my

Facebook : <http://www.facebook.com/lpkpsbh/>

NOTIS MAKLUMAN

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH MEMBUKA PERMOHONAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS) KEPADA PENGUSAHA KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENDEPANI IMPAK COVID -19

1. Selaras dengan peruntukan Seksyen 44 dan 45, Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus (Covid 19) 2020 (Akta 829) yang membenarkan perubahan sementara penggunaan kenderaan perkhidmatan awam kepada kenderaan barangan dan sebaliknya, LPKP Sabah mempelawa semua pengendali kenderaan perkhidmatan awam yang berminat dan memenuhi syarat untuk memohon Lesen Perubahan Sementara (LPS) Covid-19 penggunaan kenderaan perkhidmatan awam sebagai kenderaan barangan di dalam usaha menjana pendapatan tambahan ketika mendepani impak Covid-19.
2. Permohonan ini terbuka kepada kenderaan perkhidmatan awam yang memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan oleh LPKP Sabah. Permohonan ini dibuka mulai **30 November 2020 (Isnin)** dan boleh dibuat di semua cawangan LPKP Sabah. Sila layari laman web dan halaman Facebook LPKP Sabah untuk maklumat lanjut.

TARIKH NOTIS : 30 NOVEMBER 2020

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH